

13 lagi universiti awam akan laksana iCGPA

UTUSAN MALAYSIA

3/8/2016 p.25

KUALA LUMPUR 2 Ogos - Sebanyak 13 lagi universiti awam akan melaksanakan sistem penilaian pelajar baharu iaitu Sistem Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi (iCGPA) bermula September ini.

Antara universiti yang komited melaksanakan sistem tersebut adalah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem), Universiti Melaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza).

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, bilangan itu juga menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 18 universiti awam terlibat melaksanakan iCGPA setakat ini.

"ICGPA ini membabitkan penilaian kecemerlangan akademik, sahsiah, kokurikulum selain sosial. Sebelum ini, lima universiti awam telah melaksanakan sistem tersebut pada September tahun lalu dengan permulaan hanya satu fakulti daripada setiap universiti terpilih mula menggunakan iCGPA.



IDRIS JUSOH dan Michael Driscoll beramah mesra dengan penerima Biasiswa Kelas Dunia Taylor's 2016 di Universiti Taylor's Kampus Lakeside Subang Jaya, Selangor, semalam. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

"Dijangkakan dua lagi universiti awam akan melaksanakannya pada awal tahun depan. Malah, sebuah buku panduan mengenai iCGPA juga telah dikeluarkan yang antaranya merangkangkan bagaimana sistem itu dilaksanakan selain cara penilaianya lengkap," katanya selepas

majlis Biasiswa Kelas Dunia Taylor's (TWCS) 2016 di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut, Idris turut menyampaikan surat tawaran TWCS kepada 12 pelajar untuk melanjutkan pengajian di Universiti Taylor's dan latihan industri.

Biasiswa itu untuk pelajar melanjutkan pengajian dalam pelba-

gai bidang, antaranya kejuruteraan, perakaunan, kewangan, sains komputer dan perniagaan.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pendidikan Taylor's, Datuk Loy Teik Ngan serta Naib Canselor dan Presiden Universiti Taylor's, Prof. Michael Driscoll.

Kata Idris, Jabatan Pengajian Politeknik juga akan melaksanakan iCGPA terhadap semua politeknik dan sebagai permulaan, hanya satu program diguna pakai bagi sebuah politeknik.

Katanya, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti turut bersedia untuk memulakan sistem tersebut di semua kolej mereka.

"Penilaian menyeluruh meliputi sembilan aspek iaitu pengetahuan dan kefahaman akademik, kemahiran akademik, pemikiran saintifik dan kritisik; kemahiran berkomunikasi, kemahiran sosial, etika, moral dan profesionalisme; pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; pengurusan dan keusahawanan serta kepemimpinan," katanya.